



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/08/06_43 (HQ)

KERJASAMA TNB-EDL: MENGGALAKKAN PERDAGANGAN TBB RENTAS SEMPADAN DENGAN POTENSI NILAI DAGANGAN DARI RM460 JUTA HINGGA RM 2.3 BILION SELEPAS 2023

- Mewujudkan Jawatankuasa Kolaborasi bersama untuk meneroka peluang dalam industri tenaga, dengan fokus terhadap dagangan tenaga rentas sempadan dan pembangunan modal insan.
- TNB Genco dan EDL telah menandatangani MoU bagi meneroka potensi pelaburan dalam projek tenaga di Laos untuk eksport.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyerahkan Surat Niat (LOI) kepada Electricite Du Laos (EDL) untuk mewujudkan kerjasama dalam memacu dagangan rentas sempadan dan pembangunan modal insan, seiring usaha TNB mengukuhkan kesalinghubungan Grid Tenaga ASEAN (APG) dan memperkasakan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) sebagai penjana tenaga di ASEAN.

Melalui LOI, TNB cenderung menubuhkan Jawatankuasa Kolaborasi bersama untuk mengoptimumkan sumber, mengukuhkan jaminan bekalan dan meningkatkan pengetahuan dan perkongsian kemahiran melalui mekanisme inovatif dalam pertukaran tenaga, dengan memanfaatkan institusi pendidikan dan penyelidikan TNB.

Inisiatif ini seterusnya dapat menguatkan perkongsian strategik dan pelaksanaan strategi bersama syarikat tenaga utama susulan TNB Genco-EDL telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk meneroka pelaburan dan peluang projek-projek Tenaga Boleh Baharu (TBB) di Laos.

Kerjasama ini turut mengkaji kebolehlaksanaan eksport (TBB) dari Laos ke Malaysia melalui Projek Integrasi Tenaga Laos-Thailand-Malaysia (LTM-PIP) atau menggunakan pendekatan lain, dengan jangkaan nilai dagangan RM460 juta untuk 200MW pada tahun 2025 dan mencecah sehingga M2.3 billion bagi 1,000MW selepas tahun 2030.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din berkata, TNB yakin bahawa pengaruh EDL di sektor tenaga Laos menjadikannya ia rakan kongsi yang ideal dengan kerjasama tersebut membolehkan projek-projek manfaat bersama dibangunkan atas kekuatan kedua-dua belah pihak. "Dengan permintaan TBB yang semakin meningkat, berpengaruh EDL di sektor tenaga Laos menjadikan rakan kongsi ideal untuk meneroka peluang sebegitu."

Merujuk kepentingan pembangunan modal insan dalam mengekalkan dan memajukan sektor tenaga, beliau berkata TNB mempunyai institut pendidikan dan penyelidikan tersendiri: TNB

Integrated Learning Solution (ILSAS), sebuah institut yang menawarkan program latihan teknikal; Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), yang menyediakan kursus berfokuskan tenaga; dan TNB Research Sdn Bhd, institut penyelidikan yang mengkhususkan kepada kepakaran penyelidikan dan pembangunan (R&D).

“Dengan menggalakkan pertukaran kepakaran dan memupuk kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan, institusi-institusi ini boleh mewujudkan tenaga kerja yang berkemahiran untuk memacu inovatif dan menangani cabaran industri. Pendekatan ini boleh dimanfaatkan demi meningkatkan perkongsian pengetahuan dan kolaborasi antara TNB dan EDL.”

Baharin berkata, “TNB bersedia untuk menjadi rakan strategik Laos untuk memupuk pertumbuhan dengan Laos merupakan ‘Bateri Asia Tenggara’. Ia juga selari dengan komitmen TNB terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), memacu Pelan Peralihan Tenaga dan mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050. Selain itu, TNB juga sentiasa terbuka untuk berkolaborasi dengan EDL dalam bidang lain sektor tenaga.”

“Seiring dengan visi kami dalam menyediakan solusi tenaga mampan serantau dan antarabangsa, kami juga sedang membangunkan pelbagai peluang tenaga bersih untuk memenuhi permintaan yang semakin berkembang. Kerjasama ini akan mempertingkatkan pacuan TNB untuk memperkasakan kesalinghubungan APG dan mengukuhkan kewujudan TNB Genco sebagai penjana tenaga TNB di negara-negara ASEAN,” katanya.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 6 Ogos 2023, jam 10:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris (019-2617617) /

Grace Tan (016-6626229) / Faiq Haikal (013-3889606)

atau emel kami: media@tnb.com.my



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (duduk, kiri) DAN Perdana Menteri Laos Dr Sonexay Siphandone (duduk, kanan) menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) dan Surat Niat (LOI) di antara Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tenaga Nasional Berhad (TNB), Dato' Indera Ir. Baharin Din (berdiri, kiri) dan Pengarah Urusan Electricite Du Laos (EDL), Chantaboun Soukaloun (berdiri, kanan) di Laos pada 27 Jun 2023.